

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

• Arau

Siti Suhailah juara pidato dakwah Islam

Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Siti Suhailah Shahrudin menjuarai Pertandingan Pidato Dakwah Belia Islam Piala Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2015, baru-baru ini.

Pelajar Tahun Dua Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Pengaji-



Siti Suhailah (tengah) ceria bersama-sama Nurul Afifah (kanan) dan Irfan selepas menerima hadiah masing-masing.

an Fiqh dan Taqwa itu menawarkan enam peserta lain pada saingan akhir di Dewan Kecemerlangan, Universiti Malaysia Perlis

(UniMAP). Siti Suhailah, 22, yang menyampaikan pidato bertajuk 'Belia Islam Agen Transformasi Ummah' ber-

kata, beliau tidak menjangka akan menang memandangkan persaingan hebat oleh peserta lain.

"Alhamdulillah, ini

rezeki saya," katanya ketika ditemui selepas menerima hadiah wang tunai, piala pusingan, piala iringan dan sijil daripada

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha.

Siti Suhailah berkata, beliau juga berhasrat menyertai program realiti Islam, Da'i-Pendakwah Milenia selepas ini.

Tempat kedua dimenangi mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurul Afifah Mohd Salleh dan mahasiswa USIM, Irfan Mohd Fairus, ketiga.

Pendakwah muda

Pertandingan bertema 'Belia Islam Agen Transformasi Ummah' itu dianjurkan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) bersama UniMAP, Yayasan Taqwa, Institut Wasatiyyah, iM4U dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM).

Sementara itu, Othman berkata, pertandingan julung kali itu diadakan untuk melahirkan pendakwah muda dalam kalangan belia.

"Program yang berte-raskan pembinaan kepe-mimpinan bertaqwa, berkredibiliti dan berkarisma ini akan diteruskan pada masa akan datang.

"Lebih banyak program untuk menyemarakkan dakwah Islamiah di kampus akan dilaksanakan bagi menangani gejala sosial di kampus selain mendapatkan pandangan generasi muda mengenai hal masyarakat," katanya.

PROGRAM YANG BERTERASKAN PEMBINAAN KEPEMIMPINAN BERTAQWA, BERKREDIBILITI DAN BERKARISMA INI AKAN DITERUSKAN PADA MASA AKAN DATANG"

Datuk Othman Mustapha,
Ketua Pengarah JAKIM